

**Piawaian Kepustakawanan Akan Diselia Dengan Lebih Mantap
Bernama
16 Mac, 2012**

MELAKA, 16 Mac (Bernama) -- Piawaian kepustakawanan awam akan diselia atur dengan lebih mantap bagi menjamin perpustakaan di negara ini selari dengan negara maju.

Yang Dipertua Persatuan Pustakawan Malaysia Prof Madya Dr Mohd Sharif Mohd Saad berkata pihaknya telah menetapkan tahap piawaian pengumpulan dan penyampaian maklumat yang lebih baik bagi menjamin ketersediaan bahan maklumat kepada pengguna.

Beliau berkata pada masa ini terdapat kelemahan atau kekangan dalam pengaksesan maklumat khususnya dalam talian di kebanyakan perpustakaan awam di negara ini.

"Pengaksesan data dalam talian kini semakin meningkat dan ia menjadi satu keperluan penting dalam kepustakawanan pada hari ini," katanya kepada pemberita selepas Persidangan Bersama PPM dan Persatuan Pustakawan Singapura (LAS) yang dirasmikan oleh Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pengangkutan, Penerangan, Perpaduan dan Pengguna Melaka Datuk Lai Meng Chong di sini, Jumaat.

Persidangan selama dua hari bermula hari ini itu disertai 150 ahli PPM dan LAS yang membincangkan kecemerlangan pustakawan, pola bibliografi bahan maklumat digital dan pendekatan kuantitatif penyelidikan sains perpustakaan dan maklumat.

-- BERNAMA

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=652733>